

# Perkara perlu diketahui mengenai kad kredit

Penggunaan boleh membebankan jika peminjam buat bayaran minimum atau tangguh bayaran bil semasa



KAD kredit boleh digunakan untuk pembayaran di stesen minyak tetapi pengguna perlu memahami sepenuhnya kesan buruk daripada penggunaan secara tidak bijak.

## URUS WANG ANDA

Oleh Azli Ayob  
azliayob@bharian.com.my

**A**ND A belum memiliki kad kredit tetapi memerlukan untuk pelbagai urusan, termasuk pembelian secara dalam talian dan juga untuk berbelanja di luar negara.

Meskipun secara umum, ramai orang kurang menggalakkan penggunaan kad kredit berikutan kesan buruk daripada penggunaan secara tidak bijak.

Namun jika anda memahami sepenuhnya amalan penggunaan yang baik, anda akan mendapat manfaat daripada kemudahan pembayaran yang menyenangkan itu.

Justeru, sebelum anda mengisi borang permohonan kad kredit, anda perlu memahami sepenuhnya apa yang dimaksudkan dengan kredit atau pinjaman itu sendiri.

Menurut MasterCard, satu daripada jenama kad kredit utama di dunia, kredit bermaksud satu perjanjian antara anda iaitu peminjam dengan institusi pemberi pinjaman seperti bank, pekedai atau syarikat kad kredit.

Syarat pembayaran balik,



KAD kredit diterima di kebanyakan premis perniagaan bagi memudahkan pengguna membuat pembayaran ke atas sesebut pembelian.

termasuk kadar faedah biasanya ditetapkan terlebih dulu dan anda sebagai peminjam terikat dengan perjanjian yang sudah dipersetujui antara anda dengan bank yang memberikan pinjaman.

Sekiranya anda memilih untuk memiliki kad kredit, anda layak berbelanja mengikut had kredit atau pinjaman yang diberikan oleh pengeluar kad.

Apabila penyata kewangan kad kredit tiba, anda mesti membayar sekurang-kurang-

nya bayaran minimum yang dinyatakan dan bank akan mengenakan caj kadar faedah ke atas baki yang belum dibayar.

MasterCard dalam program pendidikan penggunaan kad kreditnya menasihatkan pengguna supaya membayar bil secara keseluruhan pada hujung bulan, supaya anda tidak perlu membayar caj kadar faedah itu.

Anda juga perlu ingat bahawa jika anda membayar balik perbelanjaan menggunakan kad berkenaan men-

gikut masa yang ditetapkan, anda telah mula mewujudkan amalan kredit yang baik.

Paling penting adalah membayar balik mengikut masa yang telah ditetapkan secara tetap.

Bayar keseluruhan bil, atau sebanyak mana termampu (sekurang-kurangnya bayaran minimum), setiap bulan.

Sekiranya anda lambat menerima bil berkenaan, sila hubungi bank pengeluar.

Anda juga dinasihatkan menghubungi bank pengeluar kad sekiranya anda tidak

dapat membayar mengikut waktu yang ditetapkan.

Satu lagi panduan, jika anda tahu bahawa anda akan membawa baki daripada bulan terdahulu ke bulan hadapan, pertimbangkan kad kredit yang mengenakan caj kadar faedah terendah.

Pastikan juga anda mengetahui impak daripada kadar faedah terkumpul iaitu caj ke atas pembelian dan kadar faedah yang belum dibayar pada bulan terdahulu.

Jika merasakan penggunaan kad kredit boleh membebankan kewangan anda, anda boleh memilih menggunakan kad debit yang menjadi alternatif kepada kad kredit.

Di pasaran kini terdapat pelbagai kad debit yang mempunyai fungsi hampir sama dengan kad kredit iaitu boleh digunakan untuk tujuan pembayaran dan anda boleh membelanjakan jumlah keseluruhan yang ada dalam akaun terbabit.

Jika anda berbelanja menggunakan kad debit, wang anda akan ditolak secara automatik daripada akaun anda dan tidak dibebankan dengan caj kadar faedah yang tinggi.

Tidak kira sama ada anda menggunakan kad kredit atau debit, pemahaman yang baik mengenai aspek kredit dan pengurusan kewangan yang baik sebenarnya menjadi perkara utama yang boleh mengelakkan seseorang daripada terperangkap dengan jerat hutang yang membebankan serta berpanjangan.